



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

POLA PSIKOLOGI ORANG TAHANAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN JENAYAH (POCA) 1959 MELALUI INTERPRETASI *ART DRAWING-HOUSE-TREE-PERSON*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**POLA PSIKOLOGI ORANG TAHANAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN
JENAYAH (POCA) 1959 MELALUI INTERPRETASI
*ART DRAWING-HOUSE-TREE-PERSON***

LEE ENG CHIAT



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SAINS
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

UPSI/IPS-3/B.O.32
Print | 00 m/s: 1/1



Sila tanda (✓)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah

<input checked="" type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>
<input type="checkbox"/>

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 09... (hari bulan) Disember (bulan) 2021.

i. Perakuan pelajar:

Saya, Lee Eng Chiat, M20181001213, Fakulti Pembangunan Manusia (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Pola Psikologi Orang Tahanan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 melalui interpretasi Art Drawing - House-Tree- Person

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Dr. Mohammad Azz Shah bin Mohamed Aris (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Pola Psikologi Orang Tahanan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 melalui interpretasi Art Drawing - House-Tree- Person

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Sains (Konseling) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

09 DIS. 2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. DR. MOHAMMAD AZZ SHAH MOHAMED ARIS
 Jabatan Psikologi dan Kaunseling
 Fakulti Pembangunan Manusia
 Universiti Pendidikan Sultan Idris
 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia





PENGESAHAN PENYERAHAN

IPSI/IPS-2/BD 31
Find.: 01 m/s.1/1



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

POLA PSIKOLOGI ORANG TAHANAN DI BAWAH ALTA

PENGESAHAN JENAZAH (POCA) 1959 MELALUI INTERPRETASI
APT DRAWING - HOUSE - TREE - PERSON

No. Matrik / Matric's No.:

M20181001513

Saya / I :

LEE ENG CHIAT

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

05-45068

itbupsi

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 14/10/2021

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)

& (Nama & Galih): DR. MOHD AZHAR BIN MOHAMAD NOR

Jabatan Psichologi dan Kaunseling

Fakulti Pembangunan Manusia

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh taporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Saya berterima kasih kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana memberi saya peluang untuk melanjutkan pengajian sarjana di Fakulti Pembangunan Manusia dalam bidang Kaunseling. Melalui pengajian ini, saya dapat mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan yang menambahkan lagi kematangan saya dalam bidang penyelidikan.

Selain itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Profesor Dr. Mohammad Aziz Shah bin Mohamed Arip dan juga sahabat saya Profesor Dr. Goh Kim Leng yang sentiasa memberi dorongan semangat kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ini serta rela mengorbankan masa dan tenaga dalam memperbetulkan kesilapan saya dalam penulisan di bahagian Bab 4 dan Bab 5. Tanpa kehadiran mereka adalah mustahil untuk saya menyempurnakan penyelidikan ini dengan jayanya. Ini kerana khidmat bimbingan yang diberikan oleh mereka telah membantu saya memperoleh kesedaran serta mempertajamkan pemikiran saya dalam menganalisis data maklumat yang diperoleh dalam bentuk kualitatif.



Dalam pada itu, saya juga menghargai sokongan yang diberikan oleh pihak majikan saya yang memberi kebenaran kepada saya untuk melanjutkan pengajian sarjana secara separuh masa di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Selain itu, saya juga berterima kasih ke atas suntikan motivasi yang diberikan oleh YDH DCP Dato' Dr. Lee Bee Phang kepada saya untuk berusaha dalam memajukan diri dalam bidang akademik demi mencipta laluan kerjaya baharu di perjalanan hidup ini. Di samping itu, saya juga rasa bersyukur kerana ditemukan dengan insan-insan yang berhati mulia dalam memberi sokongan kepada saya dalam menyempurnakan penyelidikan ini di Penjara Bentong, Pahang dan segala bantuan serta pertolongan yang diberikan oleh pegawai dan staf penjara amat dihargai.

Akhir sekali, saya berterima kasih kepada ibu kesayangan saya yang sentiasa memberi sokongan kepada saya dalam melanjutkan pengajian ini. Walaupun saya jarang berada di sisinya tetapi nasihat yang diberikan oleh ibu kesayangan saya telah membakar keazaman saya untuk berusaha bersungguh-sungguh demi kebanggaannya. Memandangkan mendiang bapa saya tidak sempat melihat kejayaan yang diperoleh oleh anak kesayangannya yang suatu ketika dulu tidak berminat untuk belajar dan suka memberontak demi kebebasan diri. Oleh itu, saya melihat pengajian ini merupakan suatu perjalanan yang amat bermakna bagi diri saya dan bukan sahaja setakat pencapaian akademik tetapi juga dari segi perkembangan kendiri.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menganalisis Pola Psikologi Orang Tahanan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 melalui interpretasi *Art Drawing-House-Tree-Person* (AD-HTP) di sebuah Pusat Pemulihan Khas yang terletak di Bentong, Pahang. Kajian ini adalah untuk memahami pola psikologi orang tahanan dari segi perhubungan keluarga, perkembangan hidup dan juga konsep kendiri melalui interpretasi lukisan projektif AD-HTP bagi mengenal pasti corak pemikiran dan tingkah laku yang menjurus kepada perlakuan jenayah. Kajian ini berbentuk kajian kes yang melibatkan seramai sembilan orang tahanan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 dan mempunyai empat orang informan. Data kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan kaedah temu bual semi struktur, pemerhatian langsung dan analisis dokumen. Kesemua data yang diperoleh dianalisis secara manual dengan berpandukan kepada *Visual Model Data Analysis* dan juga proses triangulasi. Hasil kajian daripada analisis lukisan projektif AD-HTP menunjukkan bahawa pola psikologi orang tahanan dari segi perhubungan keluarga adalah melibatkan isu keluarga dan isu komunikasi, perkembangan hidup adalah melibatkan isu perkembangan hidup dan isu matlamat hidup manakala konsep kendiri adalah melibatkan isu persepsi diri dan isu tekanan emosi. Namun begitu, hasil dapatan triangulasi menunjukkan bahawa hanya isu keluarga, isu perkembangan hidup dan isu persepsi diri yang mempunyai tahap konsisten yang tinggi berbanding dengan isu komunikasi, isu matlamat hidup dan isu tekanan emosi. Oleh itu, hanya sebahagian dapatan utama penyelidik disokong oleh dapatan triangulasi. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat corak pemikiran dan tingkah laku orang tahanan yang menjurus kepada perlakuan jenayah dan kebanyakan orang tahanan mengalami isu konflik dalam pemikiran, isu perlakuan dan isu kawalan diri.





PSYCHOLOGICAL PATTERN OF DETAINEES UNDER THE PREVENTION OF CRIME ACT (POCA) 1959 THROUGH THE INTERPRETATION OF ART DRAWING -HOUSE-TREE-PERSON

ABSTRACT

This study was conducted to analyze the Psychological Patterns of Detainees under the Prevention of Crime Act (POCA) 1959 through the interpretation of Art Drawing – House-Tree-Person (AD-HTP) at a Special Rehabilitation Centre located in Bentong, Pahang. This study aims to understand the psychological patterns of detainees in terms of family relationships, the process of life development as well as the self-concept through the interpretation of AD-HTP projective drawings to identify thinking patterns and behaviors that lead to criminal conduct. This study was in the form of a case study involving a total of nine detainees under the Prevention of Crime Act (POCA) 1959 and has four informants. The data of this study were collected using semi-structured interview methods, direct observation and document analysis. All data obtained were analyzed manually based on the Visual Model Data Analysis and also the process of triangulation. The results of the AD-HTP projective drawing analysis showed that the psychological pattern of detainees in terms of family relationships involved family issues and communication issues, life development involved life development issues and life goal issues while self-concept involved self-perception issues and emotional stress issues. Nevertheless, the results of triangulation showed that only family issues, life development issues and self-perception issues had a high level of consistency compared to communication issues, life goal issues and emotional stress issues. Therefore, only part of the main findings of the researchers are supported by the findings of triangulation. In addition, the findings of this study also show that there are patterns of thinking and behavior of detainees that lead to criminal conduct and most detainees experience conflicts in thinking, behavioral issues and self-control issues.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
------------------------------	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----



SENARAI RAJAH	xvii
----------------------	------

SENARAI SINGKATAN	xviii
--------------------------	-------

SENARAI LAMPIRAN	xix
-------------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN	1
-------------------------	---

1.1 Pendahuluan	1
-----------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	4
---------------------------	---

1.3 Pernyataan Masalah	8
------------------------	---

1.4 Tujuan Kajian	13
-------------------	----

1.5 Objektif Kajian	14
---------------------	----

1.6 Persoalan Kajian	15
----------------------	----





1.7 Justifikasi Pemilihan Teori	16
1.7.1 Kerangka Teoretikal	18
1.7.2 Kerangka Konseptual	19
1.8 Definisi Konseptual dan Operasional	20
1.8.1 Pola	20
1.8.2 Psikologi	21
1.8.3 Pemikiran	21
1.8.4 Tingkah Laku	22
1.8.5 Perhubungan Keluarga	23
1.8.6 Perkembangan Hidup	24
1.8.7 Konsep Kendiri	24
1.8.8 Orang Tahanan	25
1.8.9 Pendekatan Projektif	28
1.9 Batasan Kajian	29
1.9.1 Sampel Kajian	29
1.9.2 Tempoh Pengumpulan Data	30
1.9.3 Teknik Pengumpulan Data	30
1.9.4 Prosedur Pengumpulan Data	31
1.10 Kepentingan Kajian	31
1.11 Rumusan	35
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR	37





2.1 Pengenalan	37
2.2 Perlakuan Jenayah	38
2.2.1 Punca Perlakuan Jenayah	39
2.2.1.1 Punca Jenayah Biologikal	39
2.2.1.2 Punca Jenayah Psikologikal	40
2.2.1.3 Punca Jenayah Sosial dan Persekutaran	41
2.2.1.4 Punca Jenayah Kecelaruan Mental	42
2.2.2 Teori Kriminologi	44
2.2.2.1 Teori Pilihan Rasional	44
2.2.2.2 Teori Pembelajaran Tingkah Laku	46
2.2.2.3 Teori Persekutaran	47
2.2.2.4 Teori Kawalan Sosial	48
2.3 Teori Psikoanalisis	50
2.4 <i>Art Drawing-House-Tree-Person</i> (AD-HTP)	53
2.4.1 Teori AD-HTP	57
2.5 Teori Kognitif Tingkah Laku (CBT)	62
2.5.1 Teori Rasional Emotif Tingkah Laku (REBT)	64
2.5.2 Teori Kognitif (CT)	65
2.5.2.1 Andaian Asas dan Prinsip Teori	66
2.5.2.2 Tahap Pemikiran	69
2.5.2.3 Kelebihan dan Kelemahan Teori	71





2.6 Teori Isyarat Bahasa Badan	72
2.7 Kajian Literatur	75
2.7.1 Kajian Literatur tentang orang tahanan	76
2.7.2 Kajian Literatur tentang perhubungan keluarga	80
2.7.3 Kajian Literatur tentang perkembangan hidup	83
2.7.4 Kajian Literatur tentang konsep kendiri	86
2.7.5 Kajian Literatur tentang CBT	90
2.7.6 Kajian Literatur tentang AD-HTP	95
2.8 Rumusan	105

BAB 3 METODOLOGI



3.2 Reka Bentuk Kajian	106
3.3 Justifikasi Pendekatan Kualitatif	110
3.4 Subjek Kajian	113
3.5 Lokasi Kajian	116
3.6 Instrumen Kajian	118
3.7 Teknik Pengumpulan Data	119
3.7.1 Temu Bual	120
3.7.1.1 Protokol Temu Bual	122
3.7.2 Pemerhatian Langsung	123
3.7.3 Dokumen	124





3.8 Prosedur Pengumpulan Data	125
3.9 Prosedur Analisis Data	132
3.9.1 Proses Analisis Data	134
3.9.2 Mengurus dan menganalisis data secara manual	137
3.10 Kesahan dan Kebolehpercayaan	137
3.10.1 Kesahan Dalam	138
3.10.1.1 Proses Triangulasi	139
3.10.1.2 Pengesahan Responden	140
3.10.1.3 Tempoh di Lapangan	141
3.10.1.4 Bias Penyelidik	141
3.10.2 Kebolehpercayaan Data	141
3.11 Etika Kajian	144
3.12 Kepakaran Penyelidik	144
3.13 Rumusan	146
BAB 4 DAPATAN KAJIAN	148
4.1 Pengenalan	148
4.2 Dapatan Analisis	149
4.2.1 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi perhubungan keluarga melalui tafsiran AD-HTP?	149
4.2.1.1 Isu Keluarga	149
4.2.1.2 Isu Komunikasi	150





4.2.1.3 Isu Kebahagiaan	156
4.2.1.4 Isu Kewangan	158
4.2.2 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi perkembangan hidup melalui tafsiran AD-HTP?	161
4.2.2.1 Isu Perkembangan Hidup	161
4.2.2.2 Isu Matlamat Hidup	170
4.2.2.3 Isu Keazaman	174
4.2.2.4 Isu Pengaruh	177
4.2.2.5 Isu Kerjaya	179
4.2.3 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi konsep kendiri melalui tafsiran AD-HTP?	184
4.2.3.1 Isu Persepsi Diri	184
4.2.3.2 Isu Kesedaran Diri	189
4.2.3.3 Isu Tekanan Emosi	192
4.2.3.4 Isu Keegoan	195
4.2.3.5 Isu Hedonisme	197
4.2.4 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi pemikiran melalui tafsiran AD-HTP?	201
4.2.4.1 Isu Konflik Pemikiran	201
4.2.4.2 Isu Kasih Sayang	202
4.2.4.3 Isu Menyalahkan Diri	203
4.2.4.4 Isu Kesedaran	205





4.2.5 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi tingkah laku melalui tafsiran AD-HTP?	211
4.2.5.1 Isu Perlakuan	211
4.2.5.2 Isu Kawalan Diri	216
4.3 Triangulasi	226
4.3.1 Nota Lapangan Penyelidikan	227
4.3.1.1 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi perhubungan keluarga melalui tafsiran AD-HTP?	234
4.3.1.2 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi perkembangan hidup melalui tafsiran AD-HTP?	235
4.3.1.3 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi konsep kendiri melalui tafsiran AD-HTP?	237
4.3.1.4 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi pemikiran melalui tafsiran AD-HTP?	238
4.3.1.5 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi tingkah laku melalui tafsiran AD-HTP?	240
4.3.2 Laporan Pemerhatian Langsung	241
4.3.3 Laporan Sesi Temu Bual Informan	246
4.3.3.1 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi perhubungan keluarga melalui tafsiran AD-HTP?	251
4.3.3.2 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi perkembangan hidup melalui tafsiran AD-HTP?	252



4.3.3.3 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi konsep kendiri melalui tafsiran AD-HTP?	253
4.3.3.4 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi pemikiran melalui tafsiran AD-HTP?	253
4.3.3.5 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi tingkah laku melalui tafsiran AD-HTP?	254
4.4 Kesimpulan	258
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	259
5.1 Pengenalan	259
5.2 Perbincangan	260
5.2.1 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi perhubungan keluarga melalui tafsiran AD-HTP?	260
5.2.2 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi perkembangan hidup melalui tafsiran AD-HTP?	262
5.2.3 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi konsep kendiri melalui tafsiran AD-HTP?	265
5.2.4 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi pemikiran melalui tafsiran AD-HTP?	267
5.2.5 Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi tingkah laku melalui tafsiran AD-HTP?	270
5.3 Implikasi Kajian	274
5.3.1 Penambahbaikan Modul Pemulihan Bersepadu	274



5.3.2	Kesedaran Ibu Bapa dan Masyarakat	275
5.3.3	Penambahbaikan Dasar Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	277
5.3.4	Penambahbaikan Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia	278
5.3.5	Penambahbaikan Dasar Kementerian Dalam Negeri	279
5.4	Limitasi Kajian	280
5.4.1	Limitasi Peranan Penyelidik	280
5.4.2	Limitasi Subjek Kajian	281
5.4.3	Limitasi Soalan Protokol Temu Bual	282
5.5	Cadangan Kajian	282
5.6	Kesimpulan	283
RUJUKAN		286

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Kes Tangkapan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959	9
1.2 Kemasukan Orang Tahanan POCA ke Pusat Pemulihan Khas	9
3.1 Kod Subjek Kajian dan Butir-butir Peribadi	115
3.2 Kod Informan dan Jawatan Informan	116
3.3 Prosedur Analisis Data Kualitatif	133





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teoretikal Teori Psikoanalisis dan Teori Kognitif Tingkah Laku	18
1.2 Kerangka Konseptual Pola Psikologi Orang Tahanan POCA melalui interpretasi lukisan AD-HTP	19
3.1 Proses Triangulasi ke atas Dapatan Analisis	140
4.1 Analisis Tema Pola Psikologi Orang Tahanan dari segi Perhubungan Keluarga melalui tafsiran AD-HTP	159
4.2 Analisis Tema Pola Psikologi Orang Tahanan dari segi Perkembangan Hidup melalui tafsiran AD-HTP	180
4.3 Analisis Tema Pola Psikologi Orang Tahanan dari segi Konsep Kendiri melalui tafsiran AD-HTP	198
4.4 Analisis Tema Pola Psikologi Orang Tahanan dari segi Pemikiran melalui tafsiran AD-HTP	208
4.5 Analisis Tema Pola Psikologi Orang Tahanan dari segi Tingkah Laku melalui tafsiran AD-HTP	223





SENARAI SINGKATAN

AD-HTP	<i>Art Drawing-House-Tree-Person</i>
AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
CBT	<i>Cognitive Behavioral Theory</i>
CT	<i>Cognitive Theory</i>
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
MBLF	<i>Malaysia's Body Language Facilitator</i>
MCPF	<i>Malaysia Crime Prevention Foundation</i>
PDRM	Polis Diraja Malaysia
POCA	<i>Prevention of Crime Act</i>
POTA	<i>Prevention of Terrorism Act</i>
PPI	Program Pembangunan Insan
PPK	Pusat Pemulihan Khas
REBT	<i>Rational Emotive Behavior Therapy</i>
SOSMA	<i>Security Offences (Special Measures) Act</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Jawapan protokol temu bual subjek kajian
- B Jawapan protokol temu bual informan informan
- C Borang semakan isyarat bahasa badan
- D Nota lapangan penyelidikan
- E Surat permohonan mendapatkan maklumat / data bagi kajian ilmiah program sarjana sains dalam bidang kaunseling (Penyelidikan) sesi 2018/2019.
- F Surat kelulusan menjalankan kajian UPSI
- G Surat kelulusan menjalankan kajian di Penjara, Bentong
- H Syarat-syarat menjalankan kajian penyelidikan / latihan praktikum di Jabatan Penjara Malaysia
- I Surat aku janji
- J Borang persetujuan sebagai responden kajian
- K Lukisan projekti AD-HTP subjek kajian
- L Pengumpulan kesemua data kualitatif
- M Pengekodan kesemua segmen teks
- N Senarai kod
- O Senarai tema
- P Salinan sijil pengamal AD-HTP
- Q Salinan sijil pengamal *master* AD-HTP
- R Salinan sijil pengamal MBLF (CBLF)





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XX

S

Salinan sijil pengamal MBLF (*Deception Detection*)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Pada tahun 2013 kerajaan telah bersetuju untuk menggubal Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 dengan membuat beberapa pindaan serta diperluaskan ke Sabah dan Sarawak bagi menangani kegiatan jenayah seperti samseng, jenayah terancang, dadah dan pemerdagangan manusia. Justeru, pada 2hb. April 2014 Pindaan dan Pemerluasan Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 telah dikuatkuasakan dan orang-orang yang ditahan di bawah akta ini akan menjalani Program Pemulihan Bersepadu. Program ini dikendalikan oleh pihak Jabatan Penjara Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk memulihkan orang tahanan tersebut dalam tempoh dua tahun (Ahmad Zahid, 2017). Dalam pada itu, sebelum tamat tempoh tahanan, pihak Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ) akan memutuskan sama ada perintah tahanan tersebut dibiarkan tamat, diberikan penggantungan perlanjutan





perintah tahanan ataupun dilanjutkan perintah tahanan. Keputusan tersebut adalah berdasarkan laporan pengesyoran yang dikemukakan oleh ketiga-tiga agensi tersebut yang berpandukan kepada perubahan dari segi pemikiran dan tingkah laku orang tahanan di sepanjang tempoh tahanan (Ahmad Zahid, 2017).

Lantaran itu, pada bulan Disember 2015 penyelidik telah diarahkan oleh pucuk pimpinan PDRM untuk menjawat jawatan sebagai seorang Pegawai Pemulihan dan Penilaian Tahanan yang bertanggungjawab dalam mengendalikan Program Pemulihan Bersepadu terhadap orang tahanan dengan berpandukan kepada Modul Sahsiah Diri yang mengutamakan kepada perubahan dari segi pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Sepanjang perlaksanaan program tersebut pelbagai cabaran yang dihadapi dalam berurusan dengan orang tahanan yang mempunyai kepelbagaiannya karenah dan juga personaliti. Kini dah hampir mencelik empat tahun dalam mengendalikan program tersebut dan pihak kami sentiasa menambahbaikkan dari segi pengendalian program agar dapat mencapai matlamat yang disasarkan oleh pucuk pimpinan iaitu orang tahanan yang dibebaskan tidak lagi mengulangi perlakuan jenayah lampau.

Oleh sebab itu, timbulnya keinginan untuk menjalankan kajian ke atas orang tahanan untuk memahami sebab-sebab dan punca penglibatan mereka dalam perlakuan jenayah. Sebelum ini, pihak penjara dan KDN telah menjalankan pelbagai ujian personaliti ke atas orang tahanan untuk memahami corak pemikiran dan tahap emosi mereka. Namun pemahaman isu orang tahanan hanya berpandukan kepada soal selidik yang dijawab oleh orang tahanan melalui minda sedar tanpa memberi penekanan ke atas minda bawah sedar yang mungkin dapat memperoleh maklumat yang penting tentang perkembangan hidup orang tahanan serta bagaimana timbul isu dalam





kehidupan mereka yang mempengaruhi keputusan dan pilihan mereka dalam melakukan jenayah. Justeru, penyelidik telah bercadang untuk menjalankan kajian dalam bentuk kualitatif untuk memahami pola psikologi orang tahanan melalui interpretasi lukisan *Art Drawing-House-Tree-Person* (AD-HTP) yang memberi fokus dalam isu yang terkandung dalam minda bawah sedar sebelum mengenal pasti sama ada corak pemikiran tersebut terpesong atau tidak melalui perspektif Teori Kognitif Tingkah Laku (CBT).

Menurut Mohd Radhi dan Mohammad Aziz Shah (2018) lukisan projekatif AD-HTP merupakan suatu pendekatan yang sangat unik, mudah, cepat dan berkesan dalam menembusi perasaan dan pemikiran individu yang bermasalah secara mendalam. Selain itu, lukisan projektif rumah, pokok dan orang ini berasal dari psikologi klinikal yang dibangunkan secara sistematik dan terperinci oleh John Buck dan Emmanuel Hammer pada tahun 1969 dan kini telah dikembangkan penggunaannya secara meluas atas keberkesanannya dalam meneroka dan mengenal pasti isu klien serta proses menolong. Di samping itu, setiap simbol yang dilukis oleh klien merupakan bahasa minda bawah sedar yang dapat menjelaskan tentang sikap, perasaan, kebimbangan, konflik dan trauma yang pernah dialami oleh seseorang secara dinamik dan berkesinambungan. Dalam pada itu, CBT juga amat berkesan dalam proses pemulihan sama ada terhadap banduan mahupun tahanan kerana ia menggabungkan pendekatan kognitif dan tingkah laku iaitu mengubah pemikiran distorsi kepada pemikiran yang rasional yang boleh membawa kesan yang positif ke atas perkembangan hidupnya yang dapat mengurangkan kadar jenayah berulang (Residivis) (Gannetion et al., 2018).





Justeru, kajian ini bertujuan untuk memahami pola psikologi orang tahanan dari segi perhubungan keluarga, perkembangan hidup, konsep kendiri serta pemikiran dan tingkah laku melalui interpretasi lukisan projektif AD-HTP. Selain itu, pendekatan CBT juga digunakan dalam kajian ini dalam memahami isu yang timbul dalam kehidupan orang tahanan. Sehubungan itu, bab ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian dan persoalan kajian yang dikenal pasti. Selain itu, bahagian ini juga membincangkan justifikasi pemilihan teori, definisi konseptual, definisi operasional, batasan kajian dan kepentingan kajian yang digunakan sebagai panduan dalam mengendalikan kajian ini.



Perundangan merupakan salah satu sumber undang-undang yang utama dan penting di Malaysia. Perundangan sebenarnya merujuk kepada undang-undang yang dibuat oleh suatu badan yang diberi kuasa untuk membuat undang-undang. Di Malaysia, badan yang diberi kuasa untuk membuat undang-undang ialah Parlimen. Dewan Undangan Negeri pula mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi negeri masing-masing. Pembahagian kuasa perundangan di antara Parlimen dan Dewan Undangan Negeri adalah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan mengikut Perkara 73 dan Perkara 4 Perlembagaan Persekutuan (Undang-undang Malaysia, 2014). Dalam pada itu, Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh diambil nyawanya atau dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang.





Pada 15hb. September 2011, Perdana Menteri Malaysia telah membuat pengumuman untuk memansuhkan tiga undang-undang pencegahan iaitu Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (Akta 82), Akta Buang Negeri 1959 (Akta 735) dan Akta Kediaman Terhad 1933 (Akta 377) serta menamatkan tiga Proklamasi Darurat, iaitu Perisyiharan Darurat 1966 di Sarawak, Perisyiharan Darurat 1969 di Persekutuan dan Perisyiharan Darurat 1977 di Kelantan. Penamatan Proklamasi Darurat menyebabkan penguatkuasaan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 (OD-KAMJ) tidak dapat dilaksanakan dan tempoh perantaraan (*grace period*) penguatkuasaan adalah selama enam bulan di mana undang-undang pencegahan ini berakhir pada 21hb. Jun 2012. Berikutan dengan pemansuhan ini, seramai 2,615 orang tahanan dan sekatan di bawah OD-KAMJ 1969 dan Akta Kediaman Terhad 1933 telah dibebaskan secara berperingkat-peringkat ke dalam masyarakat (Ahmad Zahid, 2017).



Lantaran itu, hasil analisis PDRM menunjukkan 18 bulan selepas pemansuhan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Kediaman Terhad 1933 (Akta 377), indeks jenayah kekerasan seperti kes bunuh, kes samun berkawan, kes pemerasan, dan kes ugutan jenayah telah meningkat secara mendadak. Trend keadaan jenayah tersebut telah mendatangkan ketakutan dan kegelisahan dalam kalangan rakyat jelata serta menjaskan tahap keselamatan negara. Menyedari betapa pentingnya untuk mengekalkan keamanan dan tahap keselamatan negara yang terkawal, Mesyuarat Kabinet yang bersidang pada 31hb. Julai 2013 telah bersetuju untuk mewujudkan semula Akta Pencegahan Jenayah 1959 dengan beberapa pindaan (Ahmad Zahid, 2017).





Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 (Akta A1459) atau *Prevention of Crime Act* (POCA) dipinda bagi menambah baik undang-undang yang sedia ada bagi mencegah dan mengawal gengsterisme, jenayah berat dan jenayah terancang secara lebih berkesan serta bersesuaian mengikut perkembangan semasa. Pindaan ke atas POCA ini adalah lebih khusus untuk memerangi jenayah terancang. Di bawah pindaan akta ini, keputusan akan dibuat oleh pihak hakim. Sekiranya pihak polis menahan sesiapa, polis perlu meyakinkan pihak hakim bahawa individu ini perlu ditahan. Penahanan seseorang itu disebabkan penglibatan di dalam kegiatan jenayah dan bukannya mempunyai pendirian atau ideologi politik yang berbeza. Oleh itu, negara memerlukan undang-undang khusus kerana mereka yang terlibat melakukan jenayah secara terbuka telah menimbulkan ketakutan dalam kalangan rakyat Malaysia. Jika tidak dibendung, maka lebih ramai akan menjadi mangsa serta tahap ketakutan masyarakat akan meningkat dan semestinya mempengaruhi persepsi negatif terhadap keselamatan negara (Ahmad Zahid, 2017).

Di samping itu, menurut Ahmad Zahid (2017) satu program Pemulihan Bersepadu Orang Tahanan telah dirangka untuk memulihkan orang tahanan yang ditahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 bagi memastikan keberkesanannya di sepanjang tempoh tahanan. Dalam pada itu, Unit Rehabilitasi Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri bertindak sebagai penyelaras dalam program pemulihan ini serta bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Penjara Malaysia dalam mengendalikan program tersebut.





Matlamat utama program tersebut dilaksanakan adalah untuk mengubah corak pemikiran dan tingkah laku orang tahanan yang dikaitkan dengan perlakuan jenayah yang telah dilakukan. Program pemulihan tersebut digalas dengan harapan bagi memberi kesedaran dan keinsafan kepada orang tahanan untuk berubah sebelum kembali ke pangkuhan masyarakat dan menjadi seorang insan yang dapat memberi sumbangsan kepada negara. Program pemulihan tersebut dibahagi kepada tiga fasa utama di sepanjang tempoh tahanan iaitu:

a) Fasa Pertama – Pembentukan Disiplin – Orientasi (Selama 3 bulan)

Memberi tumpuan dalam pembentukan disiplin orang tahanan dengan memberi penekanan tentang undang-undang, peraturan dan aktiviti yang wajib diikuti di sepanjang tempoh tahanan. Pihak Jabatan Penjara Malaysia

mengendalikan sepenuhnya dalam fasa ini.

b) Fasa Kedua – Pengukuhan Sahsiah – Terapi Keluarga (Selama 6 bulan)

Memberi tumpuan dalam aspek pembentukan jati diri dan pembentukan sikap dengan mengaplikasikan Modul Terapi Keluarga dan Modul Sahsiah Diri. Bahagian ini melibatkan penglibatan daripada Jabatan Penjara Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri.

c) Fasa Ketiga – Kemahiran Vokasional (Selama 15 bulan)

Memberi tumpuan dalam aspek kemahiran dan memberi ruang kepada orang tahanan untuk mengaplikasikan ilmu yang dipelajari dalam Fasa 1 dan Fasa 2. Selain itu, modul kemahiran bersijil juga diperkenalkan kepada orang tahanan untuk mencari peluang pekerjaan setelah dibebaskan dari





Pusat Pemulihan Khas (PPK). Orang tahanan dibenarkan mengikuti program kemahiran dalam bengkel-bengkel dan akan diberikan sijil kemahiran yang telah diikuti mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam laporan akhbar Sinar Harian bertarikh 10hb. Januari 2019 melaporkan bahawa Ahli Eksekutif Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Datuk Seri Erwan Tahir berpendapat bahawa cadangan untuk memansuhkan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012, Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 dan Akta Pencegahan Keganasan (POTA) adalah tidak wajar memandangkan negara memerlukan undang-undang yang berkesan untuk memerangi jenayah sungguhpun ada pihak yang menganggap akta-akta tersebut dilihat melanggar hak asasi manusia terutama kepada orang yang dituduh tetapi juga perlu mengutamakan hak mereka yang menjadi mangsa jenayah dan juga ahli keluarga mereka. Selain itu, menurut laporan statistik yang diperoleh daripada Bahagian D7 Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman menunjukkan bahawa Kes Tangkapan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 sejak tahun 2014 sehingga 24hb. Februari 2019 telah mencatat bilangan yang paling tinggi pada jenayah harta benda iaitu 731 kes yang membabitkan kes pecah rumah / pecah kedai dan disusuli dengan jenayah kekerasan yang mencatatkan 608 kes yang membabitkan kes samun kedai serbaneka / stesen minyak / premis kedai berbanding kes kongsi gelap yang mencatatkan 423 kes. Dalam pada itu, statistik yang dilaporkan boleh dirujuk dalam Jadual 1.1.





Jadual 1.1

Kes Tangkapan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959

SR	TAHUN	KEMASUKAN ORANG TAHANAN			STATISTIK KES TANGKAPAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN JENAYAH												PERHILANGAN			JUMLAH											
		MULAI	SELESAI	PERIODE	KEMASUKAN ORANG TAHANAN			KES TANGKAPAN			PERHILANGAN			KEMASUKAN ORANG TAHANAN			PERHILANGAN														
1	2014	19	11	68	10	3	0	18	80	29	88	8	17	22	7	8	0	8	9	0	12	8	9	0	2	7	18	2	871		
2	2015	6	20	88	9	11	17	29	40	27	68	17	45	44	0	38	7	86	70	13	6	12	20	26	29	1	1	0	18	42	809
3	2016	20	9	121	8	12	2	69	68	141	71	8	49	82	10	189	0	74	70	29	15	39	20	5	26	0	6	8	18	23	1132
4	2017	7	50	97	2	1	8	40	38	294	101	2	13	81	0	204	23	182	76	28	39	83	80	16	16	0	0	0	18	34	1426
5	2018	1	12	92	8	8	4	38	82	138	112	24	22	48	0	260	8	171	71	34	19	131	59	24	26	9	1	0	20	31	1337
6	2019	0	0	0	0	16	0	19	32	0	2	12	0	62	8	40	12	6	0	34	8	37	4	0	0	0	0	0	0	508	
	JUMLAH	55	102	423	26	29	31	205	253	608	418	54	145	282	17	731	34	510	308	90	79	322	199	183	112	1	12	7	90	128	5377

Sumber: Bahagian D7, Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman (2019)

Di samping itu, bilangan kemasukan orang tahanan di bawah Akta Pencegahan

Jenayah (POCA) 1959 ke PPK juga menunjukkan peningkatan yang ketara sejak tahun

2014 sehingga 24hb. Februari 2019.



Jadual 1.2

Kemasukan Orang Tahanan POCA ke Pusat Pemulihan Khas



Sumber: Bahagian D7, Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman (2019)





Menurut laporan dalam akhbar Berita Harian bertarikh 6hb. Februari 2016 melaporkan dua beranak dikenakan perintah tahanan POCA berhubung kes pembunuhan empat orang individu di Jalan Pahang, Tapah, pada tahun 2015. Individu pertama seorang mekanik berusia 58 tahun diperintah menjalani tahanan di PPK Simpang Renggam, Johor selama dua tahun, manakala anak lelakinya yang berumur 21 tahun akan ditahan di PPK Kluang, Johor juga selama dua tahun. Pada 26hb. Oktober lepas, polis menahan empat orang suspek di sebuah rumah di kawasan bengkel kenderaan di Jalan Pahang, Tapah pada 1.30 petang susulan laporan kehilangan seorang lelaki berusia 46 tahun yang bekerja sebagai pekebun dan ejen hartanah di Kampung Sungai Lah, Chenderiang di sini pada 25hb. Ogos lepas.

Menurut laporan dalam akhbar Utusan bertarikh 7hb. September 2016 melaporkan sebanyak 174 orang penjenayah termasuk 24 orang ahli kongsi gelap ditahan mengikut Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 sepanjang lapan bulan pertama tahun ini. Selain tangkapan ke atas ahli kongsi gelap pihak polis Kontinjen Selangor juga membuat tangkapan ke atas 114 orang penjenayah yang melakukan kesalahan berunsur kekerasan, 33 orang penjenayah berunsur harta benda dan tiga lagi penjenayah dipercayai terlibat dalam penganjuran perjudian. Tangkapan ini ialah jumlah yang tertinggi bagi tangkapan mengikut POCA berbanding tahun lepas yang mana kadar kes jenayah telah menunjukkan peningkatan sebanyak 826 kes atau 3.94 peratus sepanjang tempoh Januari hingga Ogos pada tahun tersebut. Peningkatan kes jenayah tersebut telah mendorong pihak polis Selangor melipatgandakan usaha untuk menurunkan kadar jenayah yang dilihat meningkat berbanding tahun lalu.





Dalam laporan akhbar Sinar Harian bertarikh 2hb. Disember 2018 melaporkan bahawa Kabinet bersetuju untuk membenarkan PDRM menggunakan akta yang masih dalam kajian bagi mengendalikan kes rusuhan Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Putra Height di Subang Jaya, Selangor. Antaranya ialah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) (Pindaan) 2017, Rang Undang-undang Pencegahan Keganasan (POTA), Akta Hasutan 1948 dan Akta Kesalahan Keselamatan Langkah Khas (SOSMA). Walaupun akta-akta ini sedang dikaji dengan lebih teliti namun dalam keadaan semasa dan insiden rusuhan yang berlaku di Kuil Sri Maha Mariamman telah membenarkan pihak polis untuk mengguna pakai akta-akta tersebut untuk bertindak dalam menjaga dan mengekalkan keamanan dan keselamatan awam.

Menurut akhbar My Metro bertarikh 22hb. Februari 2019, seorang lelaki

berdepan dengan detik cemas apabila hampir menjadi mangsa rompakan sekumpulan penjenayah yang menaiki motosikal dan melulu masuk ke dalam perkaraan rumah mangsa dan mengejar mangsa dengan bersenjatakan parang untuk cubaan melakukan rompakan. Mangsa merupakan seorang pesara swasta yang berusia 56 tahun dikatakan mahu keluar dari rumah sebelum menyedari empat buah motosikal dinaiki tujuh orang lelaki berlegar-legar di sekitar kawasan rumah mangsa sebelum dua daripada suspek berlari ke arah mangsa dengan membawa parang. Mangsa yang ketakutan sempat mlarikan diri ke dalam rumah dan bertindak menutup dan mengunci pintu hadapan. Kejadian seumpama ini telah mendatangkan kegusaran kepada masyarakat umum tentang keselamatan diri dan ahli keluarganya yang melibatkan nyawa dan harta benda. Lantaran itu, pengenalpastian punca penglibatan perlakuan jenayah di kalangan penjenayah adalah amat mustahak sebelum merangka strategi dalam proses pencegahan dan pemulihan supaya pendekatan yang diambil dapat memberi impak yang positif.



Dalam pada itu, Program Pembangunan Insan (PPI) yang diperkenalkan sejak bulan Februari 2002 ke atas banduan dan tahanan merupakan satu sistem pemulihan bersepadu yang merangkumi segala aktiviti fizikal dan kerohanian. Program ini dilaksanakan dengan memberikan penekanan terhadap pembentukan disiplin dan disusuli dengan pembentukan sahsiah diri untuk membina semula sikap jati diri dan keyakinan dalam kalangan pesalah (Hasnizam, Norman, Chow, & Ramalinggam, 2018). Di samping itu, konsep Penjara Sejahtera juga diperkenalkan sejak bulan Februari 2014 bagi tujuan memperkasakan pengurusan kepenjaraan dan mematuhi standard dan piawaian antarabangsa selaras dengan pendekatan penjara sebagai institusi koreksional. Konsep Penjara Sejahtera telah dicetuskan oleh Menteri dalam Negeri pada ketika itu. Konsep Penjara Sejahtera merupakan transformasi utama Jabatan Penjara Malaysia ke arah pencapaian dua matlamat unggulnya, iaitu penahanan yang selamat dan pemulihan yang berkesan. Menurut Dato' Seri Zulkifli bin Omar, penjara sejahtera ini diperkenalkan dengan tanggapan bahawa seseorang itu mampu diubah dan dibentuk menjadi insan yang lebih baik dan seterusnya tidak mengulangi kesilapan yang telah dilakukan (Hasnizam et al., 2018). Namun demikian, pendekatan PPI dan konsep Penjara Sejahtera yang dijalankan ke atas banduan dan tahanan lebih tertumpu kepada minda sedar dan kurang memberi penekanan ke atas minda bawah sedar.

Justeru, suatu kajian perlu dijalankan untuk memberi penekanan ke atas minda bawah sedar orang tahanan bagi mengetahui dan mengenal pasti dari aspek mana dalam kehidupan orang tahanan yang menjadi punca kepada perlakuan jenayah tersebut. Memandangkan masih belum ada kajian yang khusus untuk memahami pola psikologi orang tahanan melalui interpretasi lukisan projektif AD-HTP. Dengan pemahaman tersebut, Modul Pemulihan yang bersifat komprehensif serta bersesuaian dengan



keperluan orang tahanan dapat dihasilkan. Ini kerana orang tahanan bukan dikategorikan sebagai seorang banduan tetapi lebih kepada proses untuk mencegah dan mengubah pemikiran dan tingkah laku mereka supaya menyedari dan mengembangkan potensi dirinya dan dapat berbakti semula kepada masyarakat setelah ditamatkan Perintah Tahanan. Berikut adalah pernyataan masalah yang dikemukakan dalam kajian ini:

- a) Peningkatan kes orang tahanan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 dari tahun 2014 hingga 2019.
- b) Aspek mana dalam kehidupan orang tahanan yang menjadi punca kepada perlakuan jenayah?
- c) Modul Pemulihan sedia ada hanya memberi tumpuan kepada minda sedar dan kurang memberi penekanan ke atas minda bawah sedar.
- d) Masih belum ada kajian khusus untuk memahami pola psikologi orang tahanan melalui interpretasi lukisan projekatif AD-HTP

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk memahami pola psikologi orang tahanan melalui interpretasi lukisan projektif AD-HTP dari segi perhubungan keluarga, perkembangan hidup dan





konsep kendiri. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti jenis pemikiran dan tingkah laku yang menjurus kepada perlakuan jenayah.

1.5 Objektif Kajian

Kajian dijalankan untuk memahami dan mengenal pasti pola psikologi penjenayah di kalangan orang tahanan yang ditahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 di PPK Bentong, Pahang. Secara keseluruhannya, kajian ini mengandungi lima objektif utama untuk dicapai iaitu:

a) Memahami pola psikologi orang tahanan dari segi perhubungan keluarga



b) Memahami pola psikologi orang tahanan dari segi perkembangan hidup melalui tafsiran AD-HTP.

c) Memahami pola psikologi orang tahanan dari segi konsep kendiri melalui tafsiran AD-HTP.

d) Memahami pola psikologi orang tahanan dari segi pemikiran melalui tafsiran AD-HTP.

e) Memahami pola psikologi orang tahanan dari segi tingkah laku melalui tafsiran AD-HTP.





1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan kajian berdasarkan tujuan dan objektif yang dikemukakan. Justeru, persoalan kajian yang hendak dijawab seperti berikut:

- a) Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi perhubungan keluarga melalui tafsiran AD-HTP?
- b) Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi perkembangan hidup melalui tafsiran AD-HTP?
- c) Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi konsep kendiri melalui tafsiran AD-HTP?
- d) Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi pemikiran melalui tafsiran AD-HTP?
- e) Bagaimana pola psikologi orang tahanan dari segi tingkah laku melalui tafsiran AD-HTP?



1.7 Justifikasi Pemilihan Teori

Dalam kajian ini tiga buah teori digabungkan untuk melihat pola psikologi orang tahanan iaitu teori psikoanalisis, teori teknik lukisan projekatif dan teori kognitif tingkah laku. Ketiga-tiga teori ini mempunyai hubung kait dengan minda sedar dan minda bawah sedar yang melihat dari segi elemen psikologikal yang meliputi pemikiran dan tingkah laku. Pandangan dan kajian lepas oleh para penyelidik mendapati bahawa lukisan projekatif yang dipelopori dalam teori psikoanalisis boleh digunakan untuk mengenal pasti isu yang dialami oleh orang tahanan melalui lukisan projektif AD-HTP. Selain itu, CBT juga dapat melihat dan memahami corak pemikiran orang tahanan ke atas peristiwa dan pengalaman hidup yang dilalui oleh mereka sehingga penglibatan dalam perlakuan jenayah.


Selain itu, tujuan utama lukisan projektif rumah, pokok dan orang bukanlah untuk menilai kemahiran melukis atau kesenian seseorang individu tetapi adalah untuk interpretasi maklumat dari objek-objek dalam lukisan tersebut. Setiap objek yang dilukis berkaitan dengan personaliti, perasaan, perhubungan, komunikasi, cita-cita, impian dan pengalaman masa lampau seseorang terhadap situasi kehidupannya. Hal ini dapat diperhalusi secara mendalam dalam lukisan tersebut. Asas lukisan projektif rumah, pokok dan orang merupakan ujian yang kabur dan tidak terlalu banyak arahan kepada klien tetapi hanya arahan agar individu melukis gambar rumah, pokok dan orang. Oleh sebab itu, seseorang bebas melukis dan aspek ini sebenarnya dapat menggambarkan dirinya dan kurang menyembunyikan sesuatu berkenaan dengan dirinya tanpa individu itu sedari.



Di samping itu, lukisan gambar pokok selalunya menggambarkan impian, cita-cita dan juga boleh menggambarkan sejarah emosi seseorang dan kesannya terhadap dirinya. Sebagai contoh, lukisan parut atau lubang pada batang pokok selalunya menggambarkan secara terperinci tentang sejarah pengalaman trauma yang dialami oleh seseorang individu dan lokasi parut dan lubang itu dilukis pada batang pokok juga kadang-kala dapat menentukan sama ada pengalaman trauma tersebut berlaku seawal zaman kanak-kanak atau pada peringkat remaja. Dalam pada itu, lukisan projektif rumah, pokok dan orang adalah sangat mudah untuk dilukis dan tidak memerlukan kemahiran yang khusus. Gabungan lukisan rumah, pokok dan orang akan menjadi kinetik rumah, pokok dan orang yang mana ahli terapi dapat melihat perkaitan setiap imej lukisan secara dinamik dan berhubungan antara satu sama lain. Oleh sebab itu, pentafsiran kinetik rumah, pokok dan orang menjadi lebih tersusun dan memberi makna yang menyeluruh kepada seseorang. Setelah klien selesai melukis gambar tersebut maka ahli terapi boleh bertanyakan soalan-soalan lanjut untuk meneroka dengan lebih mendalam berkaitan gambar yang dilukis serta mendapatkan pengesahan daripada klien.




1.7.1 Kerangka Teoretikal



Rajah 1.1. Kerangka Teoretikal Teori Psikoanalisis dan Teori Kognitif Tingkah Laku

1.7.2 Kerangka Konseptual



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Pola Psikologi Orang Tahanan POCA melalui interpretasi lukisan AD-HTP

Berdasarkan kerangka konseptual di atas, kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka dan memahami pola psikologi orang tahanan dari segi perhubungan keluarga, perkembangan hidup dan juga konsep kendiri yang memberi kesan ke atas pemikiran dan tingkah laku seseorang.



1.8 Definisi Konseptual dan Operasional

Bahagian ini bertujuan untuk memberi definisi yang jelas kepada penyelidik dalam menjalankan kajian tersebut supaya setiap pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian ini diberikan takrifan yang jelas tentang maksud asalnya agar tidak berlaku kekeliruan dan percanggahan dalam memberikan justifikasinya.

1.8.1 Pola

a) Definisi Konseptual

Menurut Colman (2015) mentakrifkan pola sebagai suatu pentafsiran melalui pengukuran yang dapat diperlihatkan melalui pembayangan dan juga pengungkapan terhadap sesuatu fenomena dengan sifat-sifat asas yang nyata serta boleh disimpulkan melalui penaakulan secara logik, manakala dalam Kamus Dewan (2015) mentakrifkan pola sebagai suatu bentuk model atau contoh.

b) Definisi Operasional

Dalam kajian ini, pola merujuk model lukisan projektif AD-HTP yang dilukiskan oleh subjek kajian yang memaparkan simbol rumah, pokok dan orang serta lain-lain simbol.





1.8.2 Psikologi

a) Definisi Konseptual

Menurut Kamus Dewan (2015) mentakrifkan psikologi sebagai suatu kajian tentang proses mental dan pemikiran, terutamanya berhubung dengan perlakuan manusia dan haiwan, manakala Colman (2015) pula mendefinisikan istilah psikologi sebagai suatu kajian tentang pengalaman mental, perubahan tingkah laku, kefungsian dan juga sifat manusia.

b) Definisi Operasional

Dalam kajian ini, psikologi merujuk kajian terhadap pemikiran dan tingkah laku subjek kajian dari segi perhubungan keluarga, perkembangan hidup dan konsep



1.8.3 Pemikiran

a) Definisi Konseptual

Menurut Kamus Dewan (2015) mentakrifkan pemikiran sebagai suatu proses untuk berfikir mengenai sesuatu, mengingati sesuatu atau merenung sesuatu, manakala Wilen (1994) mentakrifkan pemikiran sebagai proses dalaman yang pantas, sama ada secara sedar atau tidak sedar terhadap rangsangan luar yang diterima melalui deria. Dalam proses dalaman ini, data baru akan disimpan melalui cara pemanfaatan, perbandingan dan klasifikasi dengan maklumat atau pengetahuan yang sedia ada dalam ingatan.



**b) Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, pemikiran merujuk tafsiran yang dilakukan oleh penyelidik ke atas simbol rumah, pokok dan orang serta lain-lain simbol yang dilukiskan oleh subjek kajian serta mendapat pengesahan daripada subjek kajian berdasarkan soalan protokol temu bual.

1.8.4 Tingkah Laku**a) Definisi Konseptual**

Menurut Kamus Dewan (2015) mentakrifkan tingkah laku sebagai gerak-geri, kelakuan, perbuatan atau perangai, manakala Colman (2015) mentakrifkan tingkah laku sebagai aktiviti fizikal organisma, termasuk pergerakan badan secara luaran dan dalaman serta proses fisiologi lain yang merupakan jumlah tindak balas fizikal organisma terhadap persekitarannya. Selain itu, menurut Azizi, Nordin dan Zurihanmi (2007) tingkah laku merupakan sebahagian daripada perwatakan seseorang individu dan ia juga merupakan hasil daripada proses pembelajaran yang dipelajari melalui pengaruh persekitaran.

b) Definisi Operasional

Dalam kajian ini, tingkah laku merujuk perangai atau kelakuan subjek kajian yang disahkan melalui tafsiran yang dijalankan oleh penyelidik ke atas simbol-simbol yang dilukiskan oleh subjek kajian di dalam lukisan projektif AD-HTP.



1.8.5 Perhubungan Keluarga

a) Definisi Konseptual

Menurut Hirschi (1969) tingkah laku delinkuen dapat disekat sekiranya wujud hubungan yang mesra antara ibu bapa dengan anak-anak. Hubungan tersebut dianggap mampu menghalang anak-anak daripada melanggar undang-undang atau norma-norma masyarakat. Selain itu, hubungan yang akrab atau mesra juga dapat membentuk komitmen dan kepercayaan dalam diri seseorang anak bahawa sesuatu tingkah laku yang menyimpang akan memberi implikasi buruk kepada diri sendiri dan juga ahli keluarga. Dalam pada itu, menurut Habibah dan Noran Fauziah (2006) keluarga merupakan satu unit sosial yang boleh mendatangkan kesan terhadap perkembangan hidup seseorang dan ibu bapa memainkan peranan penting dalam mewujudkan perhubungan yang harmonis di kalangan ahli keluarga dengan mengambil berat dan memberi kasih sayang kepada anak-anak mereka. Dengan itu, anak-anak mereka berasa lebih positif terhadap diri mereka sendiri dan dapat menjadi seorang insan yang berani dan yakin kepada kebolehan diri.

b) Definisi Operasional

Dalam kajian ini, perhubungan keluarga merujuk simbol lukisan rumah yang dilukiskan oleh subjek kajian serta ditafsirkan oleh penyelidik setelah mendapat pengesahan daripada subjek kajian melalui soalan protokol temu bual.



1.8.6 Perkembangan Hidup

a) Definisi Konseptual

Menurut Sun dan Shek (2009) menyatakan bahawa perkembangan belia yang positif mempunyai kesan secara langsung terhadap penilaian hidup dan juga tingkah laku remaja. Oleh itu, penilaian ke atas perkembangan hidup belia yang memperoleh kepuasan atau tidak merupakan indikasi penting dalam meramal tingkah laku yang bermasalah. Selain itu, menurut Habibah dan Noran Fauziah (2006) sesuatu kepincangan dalam perkembangan personaliti seseorang selalunya dikaitkan dengan sesuatu isu yang timbul daripada salah satu komponen dalam sistem sosial seperti pengaruh keluarga, peranan ibu, peranan bapa, sekolah, guru, masyarakat, pendidikan formal dan pendidikan tak formal.



b) Definisi Operasional

Dalam kajian ini, perkembangan hidup merujuk simbol lukisan pokok yang dilukiskan oleh subjek kajian serta ditafsirkan oleh penyelidik setelah mendapat pengesahan daripada subjek kajian melalui soalan protokol temu bual.

1.8.7 Konsep Kendiri

a) Definisi Konseptual

Menurut Marsh (1990) konsep kendiri merujuk kepada persepsi seseorang individu terhadap diri sendiri berdasarkan kepada elemen personaliti, kebolehan dan perilaku. Selain itu, menurut Habibah dan Noran Fauziah (2006) pembentukan





konsep kendiri adalah melalui interaksi dengan orang lain iaitu sebagaimana mereka bertindak balas terhadap seseorang dan sebagaimana mereka menilai usahanya akan memberi idea kepada individu tersebut tentang siapa diri mereka dan apa kebolehan dirinya. Sekiranya, seseorang individu kerap menerima kritikan daripada galakan dan sering diberitahu bahawa dirinya telah membuat salah daripada diberitahu apa yang dilakukan dengan betul serta membandingkan prestasinya dengan individu lain yang menunjukkan kelemahannya, maka individu tersebut akan membentuk konsep kendiri yang negatif.

b) Definisi Operasional

Dalam kajian ini, konsep kendiri merujuk simbol lukisan orang yang dilukiskan oleh subjek kajian serta ditafsirkan oleh penyelidik setelah mendapat pengesahan daripada subjek kajian melalui soalan protokol temu bual.



1.8.8 Orang Tahanan

a) Definisi Konseptual

Mengikut tafsiran yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Pencegahan (Orang Tahanan) 2014, orang tahanan bermaksud seseorang yang ditahan menurut perintah tahanan di bawah subseksyen 19A(1) Akta Pencegahan Jenayah 1959. Dalam subseksyen tersebut menyatakan bahawa Lembaga Pencegahan Jenayah boleh, selepas mempertimbangkan laporan pegawai siasatan yang dikemukakan serta hasil apa-apa kajian semula di bawah seksyen 10 dan 11 Akta Pencegahan Jenayah 1959, mengarahkan bahawa mana-mana orang berdaftar ditahan di bawah





suatu perintah tahanan bagi suatu tempoh tidak melebihi dua tahun, dan boleh memperbaharui mana-mana perintah tahanan sedemikian bagi suatu tempoh selanjutnya yang tidak melebihi dua tahun pada satu masa, jika ia berpuas hati bahawa tahanan sedemikian adalah perlu demi kepentingan ketenteraman awam, keselamatan awam atau pencegahan jenayah (Undang-undang Malaysia, 2015). Selain itu, mengikut Undang-undang Malaysia (2015) orang berdaftar bermaksud seseorang yang namanya dimasukkan ke dalam daftar dan kategori yang boleh didaftarkan adalah seperti berikut:

1. Semua anggota pertubuhan yang menyalahi undang-undang yang –
 - i) menggunakan upacara *Triad*; atau
 - ii) ditubuhkan atau digunakan bagi maksud yang melibatkan perlakuan kesalahan-kesalahan boleh tangkap di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa berhubungan dengan tatacara jenayah; atau merahsiakan tujuan-tujuannya.
2. Orang yang menganggotai atau bergaul dengan mana-mana kumpulan, badan, gerombolan atau persatuan seramai dua orang atau lebih yang bersekutu bagi maksud yang meliputi perlakuan kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan.
3. Semua pengedar dadah berbahaya, termasuk orang-orang yang menyara hidupnya keseluruhannya atau sebahagiannya dengan hasil pengedaran dadah.





4. Semua pedagang orang, termasuk orang-orang yang menyara hidupnya keseluruhannya atau sebahagiannya dengan hasil pemerdagangan orang.
5. Semua orang yang terlibat dalam pengelolaan dan penggalakan judi haram.
6. Semua penyeludup migran, termasuk orang-orang yang menyara hidupnya keseluruhannya atau sebahagiannya dengan hasil penyeludupan migran.
7. Orang-orang yang merekrut, atau bersetuju merekrut, seorang yang lain untuk menjadi seorang ahli suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang atau suatu geng atau untuk mengambil bahagian dalam perlakuan suatu kesalahan.



8. Orang-orang yang terlibat dalam perlakuan atau menyokong perbuatan pengganas di bawah Kanun Keseksaan.

b) Definisi Operasional

Dalam kajian ini, orang tahanan merujuk subjek kajian yang sedang menjalani program pemulihan bersepadu di PPK Bentong, Pahang serta melakukan kesalahan di bawah jenayah kekerasan dan harta benda seperti upah dan ugut, samun berkumpulan, kongsi gelap dan peras ugut.





1.8.9 Pendekatan Projektif

a) Definisi Konseptual

Menurut Habibah dan Noran Fauziah (2006) teknik projektif dipengaruhi oleh dua teori utama dalam ilmu psikologi iaitu Teori Psikoanalisis dan Teori Holistik. Perkembangan kedua teori ini dalam bidang klinikal iaitu mengkaji tingkah laku manusia serta menilai personaliti seseorang bagi tujuan terapi atau diagnosis. Jenis-jenis teknik projektif adalah seperti teknik perkaitan, teknik pembentukan, teknik melengkapkan, teknik pilihan atau susunan dan teknik ekspresif.

b) Definisi Operasional

Dalam kajian ini, subjek kajian diminta untuk melukiskan suatu pemandangan yang indah ke atas sekeping kertas saiz A4 sama ada dalam keadaan menegak atau melintang. Dalam lukisan tersebut, subjek kajian perlu melukiskan simbol rumah, pokok dan orang serta boleh tambah lain-lain simbol atau objek mengikut gerak hati dan subjek kajian diberikan masa lima hingga sepuluh minit untuk menyiapkan lukisan tersebut tanpa sebarang bimbingan. Setelah subjek kajian siap melukis, penyelidik akan duduk bersebelahan dengan subjek kajian untuk membuat tafsiran ke atas simbol-simbol yang terdapat di dalam lukisan tersebut serta mendapat pengesahan daripada subjek kajian melalui soalan protokol temu bual.





1.9 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif dalam pengumpulan dan penganalisis data maklumat yang diperoleh daripada subjek kajian. Selain itu, kajian ini melihat pola psikologi orang tahanan melalui lukisan projektif AD-HTP. Oleh itu, pendekatan teori lain tidak diaplikasikan dalam kajian ini serta instrumen yang paling penting dalam kajian ini ialah penyelidik yang menjalankan kajian. Hal ini kerana keputusan tafsiran penyelidik bakal mempengaruhi dapatan kajian yang dijalankan kerana ia berbentuk subjektif. Dalam pada itu, jumlah subjek kajian juga dihadkan kepada sembilan orang juga merupakan salah satu limitasi dalam menjalankan kajian ini.



1.9.1 Sampel Kajian

Di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 terdapat lima buah PPK di seluruh Malaysia iaitu PPK Pokok Sena, Kedah, PPK Bentong, Pahang, PPK Simpang Renggam, Johor, PPK Kluang, Johor dan PPK Bintulu, Sarawak. Kajian ini dijalankan di PPK Bentong, Pahang yang mana mempunyai bilangan orang tahanan yang paling banyak serta terdiri daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi. Lincoln dan Guba (1985) mengesyorkan pensampelan dibuat sehingga titik tepu atau redundansi tercapai. Ini bermaksud matlamat pensampelan ke atas bilangan saiz sampel adalah berdasarkan kepada pertimbangan maklumat yang diterima. Jika tujuan adalah untuk memaksimumkan maklumat, pensampelan yang ditamatkan apabila tiada maklumat baru akan datang dari unit-unit sampel yang baru, maka redundansi ialah petunjuk



utama. Justeru, bilangan orang tahanan yang dipilih untuk mengikuti kajian ini ialah seramai sembilan orang tahanan yang dipecahkan mengikut bangsa iaitu Melayu, India dan Cina yang berdasarkan kepada pensampelan bertujuan. Selain itu, kajian ini juga menggunakan empat orang yang bertindak sebagai informan di sepanjang kajian ini dijalankan iaitu Pegawai Psikologi, Pegawai Rekod, Pegawai Penjaga Blok dan Pegawai Pemulihan untuk mengetahui prestasi dan mutu disiplin serta perkembangan orang tahanan di sepanjang tempoh tahanan.

1.9.2 Tempoh Pengumpulan Data

Tempoh pengumpulan data di PPK Bentong, Pahang tertakluk dengan permohonan yang dikemukakan kepada ibu Pejabat Penjara Kajang yang akan memutuskan cadangan yang diberikan. Namun tempoh yang dimohon juga terikat dengan tempoh pengajian dalam bidang ini. Justeru, kajian ini hanya terhad dalam tempoh enam bulan iaitu bersamaan dengan satu semester sebelum memulakan proses menganalisis data maklumat yang diterima melalui kaedah kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes.

1.9.3 Teknik Pengumpulan Data

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif yang mana terdapat juga limitasi yang timbul dalam proses pengumpulan data memandangkan reka bentuk kajian kes hanya memberi fokus kepada temu bual, pemerhatian langsung dan analisis dokumen

sahaja tanpa melibatkan penggunaan inventori atau soal selidik lain dalam melihat dan menganalisis pola psikologi orang tahanan. Dalam pada itu, pentafsiran data maklumat yang diterima bergantung sepenuhnya dengan kemahiran dan pengetahuan yang ada pada penyelidik. Seandainya penyelidik yang kurang kompeten dalam menganalisis data maklumat yang diterima maka akan timbul isu kesahihan dan kebolehpercayaan.

1.9.4 Prosedur Pengumpulan Data

Kajian ini dijalankan di dalam PPK yang mana lokasi tersebut merupakan kawasan keselamatan dan memerlukan penyelidik memberi penerangan yang jelas kepada subjek kajian dan juga informan tentang matlamat utama yang hendak dicapai dalam kajian ini. Dalam pada itu, prosedur pengumpulan data juga perlu memenuhi segala peraturan yang telah ditetapkan dalam PPK supaya tidak mengganggu proses perjalanan harian.

1.10 Kepentingan Kajian

Sejak pindaan dan pemerluasan Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 pada tahun 2014, masih belum ada kajian dijalankan terhadap orang tahanan tentang pola psikologi mereka. Selain itu, akta tersebut digubal adalah untuk menangani kegiatan jenayah seperti samseng, jenayah kekerasan, jenayah terancang, dadah dan pemerdagangan manusia. Justeru, pemahaman pola psikologi penjenayah secara tidak langsung dapat merangka modul pemulihan yang lebih komprehensif dalam mengubah corak



pemikiran dan tingkah laku orang tahanan bagi mengekang perlakuan jenayah berulang setelah mereka dibebaskan dari PPK serta dapat menyumbang semula dalam pembangunan negara.

Melalui dapatan kajian ini, pegawai pemulihan dapat merangka modul pemulihan yang lebih bersifat komprehensif serta dapat mengenal pasti pendekatan mana yang bakal memberi impak yang positif ke atas orang tahanan dari segi pemikiran dan tingkah laku. Selain itu, dapatan kajian juga dapat membantu pegawai pemulihan memahami emosi orang tahanan dan juga perancangan masa depan serta tahap keyakinan diri dalam membina semula kehidupan baru. Tambahan pula, pegawai pemulihan juga dapat melihat dan mengenal pasti konsep kendiri dan jati diri orang tahanan sama ada memerlukan sesi bimbingan yang selanjutnya atau sesuai untuk ditamatkan tempoh tahanannya berdasarkan kepada tarikh Perintah Tahanan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah.

Hasil kajian ini juga bakal memberi kesedaran kepada ibu bapa dan masyarakat tentang tanggungjawab mereka dalam mengekang perlakuan jenayah yang mungkin terdiri daripada orang yang dikenali atau rapat dengan mereka. Sesungguhnya penglibatan seseorang dalam perlakuan jenayah memang menyediakan namun sekiranya diperhalusi maka timbul pelbagai faktor yang menjurus kepada tindakan tersebut yang mana mungkin disebabkan oleh reaksi negatif yang diberikan oleh ibu bapa atau masyarakat terhadap mereka yang mempunyai konsep kendiri yang rendah serta kurang mendapat bimbingan yang positif.



Kajian ini merupakan suatu pendedahan yang berbeza dalam memahami pola psikologi orang tahanan dari segi pemikiran, tingkah laku dan keinginan yang hendak dicapai dalam kehidupan ini serta pengalaman yang pernah dilalui dalam perkembangan hidupnya. Dalam pada itu, penelitian lukisan projektif AD-HTP dapat menembusi jiwa orang tahanan serta dapat mengenal pasti isu yang mendatangkan permasalahan dalam kehidupannya. Konsep interpretasi lukisan projektif AD-HTP ini berpandukan kepada Teori Psikoanalisis yang melihat bahawa permasalahan timbul di bawah minda bawah sedar dan perlu menggunakan teknik projektif untuk menimbulkan isu tersebut di alam sedar sebelum menilai corak pemikirannya melalui perspektif CBT.

Dapatan kajian ini juga membantu pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk memahami punca penglibatan seseorang dalam perlakuan jenayah serta bagaimana individu tersebut mempersepsi dirinya dalam kalangan masyarakat. Selain itu, kementerian juga dapat merangka program yang bersesuaian kepada golongan yang mempunyai risiko yang tinggi untuk terlibat dalam perlakuan jenayah. Di samping itu, memberi cetusan idea baru kepada pihak kementerian untuk mewujudkan persekitaran yang mengutamakan perkembangan diri yang positif serta peningkatan daya saing yang sihat. Dalam pada itu, pihak kementerian juga boleh menganjurkan lebih banyak kursus berkaitan pembangunan potensi dan karakter diri kepada masyarakat umum khususnya mereka yang berpendapatan rendah supaya setiap insan memahami kekuatan dan kelebihan yang ada pada dirinya memandangkan kebanyakan insan tidak ketahui siapa diri mereka lalu terpesong dalam perjalanan hidupnya.



Dalam pada itu, dapatan kajian ini juga dapat membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengetahui bahawa perkembangan hidup seseorang bakal mempengaruhi perwatakan dirinya dan boleh mempertimbangkan untuk memberi penekanan secara mendalam dalam mata pelajaran psikologi di peringkat sekolah menengah bagi membantu dan mengajar pelajar bagaimana untuk menghadapi tekanan hidup serta bagaimana untuk mengetahui potensi dan bakat yang ada pada diri mereka. Dengan itu, pelajar yang lemah dari segi pencapaian akademik tidak merasai diri mereka tidak setanding dengan orang lain serta tidak menimbulkan persepsi yang negatif terhadap diri mereka. Dalam pada itu, tatacara mengenal pasti isu kendiri juga boleh diaplikasikan dalam sukanan pelajaran untuk membantu pelajar memahami pemikiran diri mereka dan bagaimana untuk mengubah pemikiran yang terpesong.



kepada pihak KDN dalam merangka strategi untuk mengurang kadar perlakuan jenayah berulang serta bagaimana mewujudkan persekitaran yang membina kepada golongan yang berpendapatan rendah serta bagaimana membangunkan potensi diri bagi mereka yang pernah menjalani hukuman penjara atau sedang mengikuti program pemulihan. Sebagaimana yang dimaklumkan oleh media tempatan bahawa perbelanjaan kerajaan dalam program pemulihan terhadap pesalah-pesalah menelan kos jutaan ringgit pada setiap tahun. Sekiranya pihak KDN dapat menghasilkan suatu pendekatan yang holistik untuk mengurangkan kadar jenayah di negara ini maka ia akan dapat menjimatkan kos perbelanjaan dalam program pemulihan dan dana tersebut boleh digunakan dalam program pembangunan modal insan yang bersifat komprehensif.





Kesimpulannya, pengurangan kadar jenayah berulang (Residivis) bakal mewujudkan persekitaran yang aman, sejahtera dan selamat untuk rakyat jelata menjalani kehidupan harian yang bebas daripada ancaman kehilangan nyawa dan harta benda mereka. Justeru, adalah penting untuk mengetahui dan mengenal pasti punca penglibatan seseorang individu dalam perlakuan jenayah kerana di mana ada sebab di situ ada akibatnya. Oleh itu, pemahaman tersebut dapat membantu pihak kerajaan dan masyarakat untuk mengubah perspektif terhadap golongan yang melakukan perlakuan jenayah.

1.11 Rumusan

Secara keseluruhannya bab ini membincangkan berkaitan latar belakang kajian yang meliputi pendekatan teori yang diaplikasikan dalam kajian ini serta pernyataan masalah yang dikenal pasti. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pola psikologi penjenayah melalui interpretasi lukisan projektif AD-HTP. Oleh sebab itu, penyelidik telah memilih untuk mengkaji orang tahanan yang sedang menjalani program pemulihan di PPK Bentong, Pahang. Ini adalah bertujuan untuk memahami pola psikologi orang tahanan dan pada masa yang sama dapat menyumbang idea baru dalam memperbaharui modul pemulihan yang sedia ada supaya dapat mengurangkan kadar residivis di kalangan orang tahanan yang dibebaskan setelah ditamatkan perintah tahanan. Di samping itu, penerapan CBT dalam kajian ini juga selaras dengan intervensi yang digunakan oleh pihak penguasa dalam mengendalikan program pemulihan ke atas orang tahanan yang ditahan di bawah POCA.





Dalam pada itu, bahagian ini juga memberi penerangan yang jelas tentang definisi konseptual dan definisi operasional yang dilaksanakan serta batasan kajian yang timbul dalam kajian ini. Di samping itu, bahagian ini juga membincangkan kepentingan kajian yang hendak dilaksanakan serta manfaat yang bakal diperoleh setelah kajian tersebut selesai dijalankan dan dapat mengenal pasti pola psikologi orang tahanan. Nescaya kajian ini secara tidak langsung dapat menjadi panduan kepada pihak penguat kuasa dalam merangka modul pemulihan yang lebih komprehensif dan dapat mengurangkan kadar residivis dalam kalangan orang tahanan serta mengetahui punca permasalahan yang menjurus kepada perlakuan jenayah.

